

# 1,158 pelajar diploma UPSI mula mendaftar esok

Oleh KOSMO! | 6 Ogos 2022, 5:19 pm



Norkhalid (berdiri kiri) bersama Rakan Suai Kenal (RSK) yang membantu menguruskan pendaftaran pelajar baharu diploma UPSI.

PETALING JAYA – Seramai 1,158 pelajar baharu diploma akan mendaftar di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bagi sesi akademik 2022/2023 mulai esok.

Pelajar baharu diploma itu akan mengikuti 12 program pengajian di tujuh fakulti melibatkan Fakulti Bahasa dan Komunikasi; Fakulti Muzik dan Seni Persembahan; Fakulti Pengurusan dan Ekonomi serta Fakulti Pembangunan Manusia.

Turut terlibat adalah Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif; Fakulti Sains dan Matematik serta Fakulti Sains Sukan dan Sains Kejurulatihan.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Norkhalid Salimin berkata, pada semester ini kesemua pelajar akan mengikuti pengajian secara bersemuka.

Katanya, pelajar akan ditempatkan di Kolej Awang Had Salleh, Kampus Sultan Azlan Shah, Proton City yang terletak kira-kira 10 kilometer dari pekan Tanjung Malim.

“Proses pendaftaran akan diadakan di Dewan Kolej Ungku Omar yang terletak bersebelahan dengan kolej penginapan pelajar iaitu Kolej Awang Had Salleh.

“Ibu bapa yang datang menghantar anak-anak tidak perlu bimbang dengan keselamatan mereka kerana Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) akan memastikan kebijakan pelajar terjaga,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Mengulas mengenai harga makanan di kolej kediaman, Norkhalid berkata, pihak universiti akan menyediakan Menu Keluarga Malaysia dengan harga pakej RM3.50 di semua 23 kafetaria di UPSI.

“Alhamdulillah, semua kafetaria akan bersama universiti mengambil berat soal kebijakan pelajar supaya pelajar dan ibu bapa tidak terasa terbeban menanggung kos pengajian,” katanya.

Sementara itu, Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff mengucapkan tahniah kepada semua pelajar baharu yang berjaya diterima masuk ke UPSI.

“Saya berharap pelajar sudah bersedia untuk mengharungi kehidupan kampus dan membina kecemerlangan diri demi kecemerlangan universiti,” katanya.-KOSMO! ONLINE